

SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA TAHUN KEDUA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN

PADA HARI ISNIN, 26 FEBRUARI 2024

1. YB DR NAJIHATUSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Kelas KAFA.

- i. Berapa banyakkah kelas KAFA yang telah ada di Negeri Perak?
- ii. Di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi, seperti bandaraya dan seri Iskandar, terdapat sungutan kelas-kelas KAFA yang ada tidak cukup untuk menampung keperluan permintaan rakyat. Mohon penjelasan usaha pihak kerajaan usaha-usaha yang akan dilakukan?
- iii. Kenapakah Guru-guru KAFA seluruh negeri Perak tidak tersenarai dalam penerima insentif yang diumumkan oleh MB dalam belanjawan 2024?

2. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Apakah bentuk, jumlah bantuan/ insentif serta program yang telah ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menggalakkan lebih ramai belia dan graduan university untuk menceburi bidang pertanian sejak tahun 2013 hingga sekarang serta jumlah peserta dalam setiap program?

3. YB ENCIK NOOR AZMAN BIN GHAZALI (ALOR PONGSU)

Tempoh hari jalan Changkat Lobak-Simpang keluar tol Alor Pongsu telah dibaikpulih, apakah lori-lori besar/ gergasi dibenarkan menggunakan jalan tersebut dan adakah Jabatan Pengangkutan Jalan akan ambil tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan?

4. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Di Daerah Bagan Datuk, Bawah Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai sebanyak lima (5) buah Klinik Kesihatan dan tiga daripada nya berada di dalam kawasan DUN Rungkup. Klinik Kesihatan Selekok, Klinik Kesihatan Bagan Datuk dan Klinik Kesihatan Sungai Tiang. Dua buah lagi Klinik Kesihatan dalam DUN Hutan Melintang ialah Klinik Kesihatan Hutan Melintang dan Klinik Kesihatan Sungai Sumun.

Daripada lima buah klinik kesihatan ini, hanya mempunyai 4 buah ambulan yang boleh di gunakan. Klinik Kesihatan Sungai Tiang tidak mempunyai Ambulan.

Dengan kewujudan Politeknik Bagan Datuk, MRSM Bagan Datuk dan Sekolah Menengah Sain Bagan Datuk (SABDA) yang melibatkan lebih 2,000 pelajar pada satu-satu masa, ini tidak termasuk penduduk pemastautin Daerah Bagan Datuk khususnya DUN Rungkup.

- i. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mempastikan kemampuan Klinik Kesihatan Bagan Datuk untuk dinaiktarafkan. Ini penting untuk menjamin pengoperasian klinik tersebut dapat berjalan lancar dan memudahkan rakyat khususnya untuk menerima rawatan awal dan berjadual?
- ii. Penambahan jumlah unit kenderaan Ambulan dalam Daerah Bagan Datuk khususnya di Klinik Sungai Tiang yang masih tidak mempunyai ambulan?

5. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) pada tahun 2023.

- i. Apakah perancangan dan usaha Kerajaan Negeri dalam menjayakan transformasi industri di negeri Perak?
- ii. Apakah fokus sektor industri yang dirancangkan untuk Daerah Manjung bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang?
- iii. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menarik lebih ramai pelaburan ke Kawasan Perindustrian Kg Acheh bagi meningkatkan ‘occupying rate’ di sana?

6. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN STeP PERAK

- i. Nyatakan program-program pembangunan usahawan yang ditawarkan oleh Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) bagi tahun 2024?
- ii. Nyatakan perincian mengikut DUN yang telah terlibat dalam program-program pembangunan usahawan STeP dari tahun 2021-2023
 - i. Apakah jenis galakan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi menarik lebih ramai pelabur dalam sektor kitar semula?

7. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Kita dapati semakin banyak bukit yang ditarah untuk aktiviti kuari di Negeri Perak. Soalan saya, setakat mana pemantauan dari pihak kerajaan Negeri Perak bagi memastikan aktiviti kuari ini tidak mengganggu ekosistem alam sekitar? Termasuklah dari sudut pencemaran udara, habitat hidupan liar seperti harimau, risiko banjir kawasan berdekatan dan seumpamanya.

8. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Pembangunan Taman Awam Kamunting yang dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Majlis Perbandaran Taiping.

- i. Apakah status terkini Pembangunan Taman Awam Ini?
- ii. Apakah impaknya kepada ekonomi Rakyat Kamunting?

9. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang pembangunan stadium sukan bumbung tertutup berkapasiti penonton yang tinggi, bagi mengantikan stadium Indera Mulia yang berkapasiti rendah

- i. Adakah pihak kerajaan berhasrat untuk mendapatkan bantuan pihak kerajaan persekutuan bagi membantu merealisasikan usaha ini?
- ii. Merujuk soalan bahagian i, sekiranya ya, boleh jelaskan apakah perancangan yang sedang diusahakan?
- iii. Merujuk soalan bahagian i, sekiranya tidak, apakah kekangan yang ada untuk usaha ini kena diketepikan?

10. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

LIPUTAN KOMUNIKASI

Masih terdapat kawasan-kawasan di DUN Hutan Melintang yang mengalami masalah liputan rangkaian telekomunikasi. Pembelajaran dan pendedahan yang wajar berkaitan informasi semasa tidak dapat dicapai oleh penduduk di kawasan tersebut.

Apakah langkah-langkah khusus yang diambil untuk meningkatkan liputan telekomunikasi dan jalur lebar khususnya sekolah-sekolah di kampung-kampung dan keperluan untuk masyarakat di kawasan kampung?

11. YB KAPT. (B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Kini banyak kedai makan diusahakan oleh warga asing. Memohon pihak imigresen membuat laporan terperinci mengenai kekerapan serbuan warga asing di Batu Kurau kerana ramai dari mereka berkerja di kedai makan dan ada yang menyalahkan gunakan pas lawatan. Ini menjelaskan kedai-kedai makan warga tempatan?

12. YB DR. HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Apakah status Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kangsar yang difahamkan masih belum mendapat kelulusan ibu pejabat JPS?. Rancangan Tebatan Banjir ini amat penting bagi memastikan risiko banjir kepada penduduk Kuala Kangsar dapat dikurangkan.

13. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

Bangunan Majlis Daerah Tapah yang dah berusia melebihi 50 tahun dalam daerah Batang Padang dilihat masih tegap namun hakikatnya memberi risiko kepada kakitangan awam yang melaksanakan tugas sehari-hari didalam bangunan tersebut.

- i. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk pembinaan bangunan baru bagi kegunaan majlis daerah tapah?
- ii. Apakah terdapat perancangan jangka pendek untuk menyelia semula bangunan tersebut bagi menjamin keselamatan penjawat awam?
- iii. Adakah kesesuaian kepada lokasi cadangan bagi pembinaan bangunan baru majlis daerah tapah?

14. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Velodrom Rakyat:

- i) Apakah status terkini Velodrom Rakyat?
- ii) Apakah perancangan pihak kerajaan negeri untuk memastikan Velodrom Rakyat sentiasa berada dalam keadaan baik dan penuh dengan aktiviti?

15. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Apakah status perlombongan di Mukim Kampong Gajah dan Mukim Pasir Panjang Ulu dan berapakah hasil atau anggaran hasil yang akan diperoleh pihak kerajaan dari kerja-kerja perlombongan tersebut?

16. YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)

Bilakah penggunaan pukat kenak 2 bot oleh para nelayan tempatan akan diharamkan sepenuhnya di perairan Daerah Kerian?

17. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

- i. Apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah kerosakan jalan, lampu jalan dan garisan putih di jalan persekutuan Slim River-Sungkai?
- ii. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk menaiktaraf jalan persekutuan Slim River-Sungkai yang sering menjadi laluan utama ke dalam RMK12?

18. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Prasana kemudahan kesihatan rakyat perlu dipertingkatkan. Adakah kerajaan negeri mempunyai cadangan menaik taraf Hospital Slim River menjadi Hospital Pakar untuk pelbagai rawatan?

19. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)

Kerian High-Tech Park Sila

- i. Nyatakan perincian tentang projek Kerian High Tech Park termasuk kos pelaburan, keluasan tanah dan lokasi yang telah dikenal pasti?
- ii. Apakah jenis industri yang telah dikenal pasti untuk dibawa masuk ke Kerian High-Tech Park?
- iii. Apakah jadual yang telah dirancang dan bilakah pelaburan ini dijangka bermula?

20. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Sila nyatakan apakah keberkesanan pengurusan kutipan sampah di Negeri Perak kerana saban hari ada laporan di media massa tentang isu tersebut?

21. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Kerajaan negeri sedang berusaha untuk memulakan usaha pengkomposan sisa makanan kepada baja organik.

- i. Apakah usaha kerajaan negeri untuk melibatkan orang awam dalam usaha ini?
- ii. Bagaimanakah usaha ini dapat membawa kesan positif kepada alam sekitar?
- iii. Berapa sisa makanan yang dijangka dapat dikurangkan di tapak pelupusan sampah sekiranya usaha pengkomposan dapat dijalankan?

22. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Apakah Halangan atau Masalah dihadapi kerajaan berkenaan Projek Agro Valley, bermula dari Kg Bukit Sapi hingga ke Kampung Beng, yang sepatutnya Kerajaan siap menyediakan Perumahan dan Ladang Rakyat dan juga Projek Agropolitan bermula dari Kampung Tawai hingga ke Pendalaman penempatan orang asal Sg.Dala, di DUN Kenering, gagal dilaksanakan

23. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Banjir di Kampung Matang Gelugor Mukim Matang

Adakah kerajaan berhasrat untuk mengorek pasir di Kg Matang Gelugor bagi mendalamkan sungai sekaligus mengelakkan banjir yang kerap berlaku?

24. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)

Dasar Perak Sejahtera 2030

Negeri Perak merupakan negeri yang amat strategik dan mempunyai peluang yang besar dalam sektor perkhidmatan, industri pembuatan dan perkilangan.

- i. Apakah dasar Perak Sejahtera 2030 mampu menarik pelaburan dalam dan luar negara untuk memastikan KDNK negeri Perak terus meningkat dan kukuh?
- ii. Apakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk memastikan sumber hasil bumi di negeri Perak seperti NR-REE dimanfaatkan sebaik mungkin dan menjaga kelestarian selari dengan 17 elemen dalam Sustainable Development Goal diperingkat Global dan Kebangsaan?
- iii. Mohon dinyatakan berapakah jumlah syarikat yang berminat untuk melabur di negeri Perak secara berjadual merangkumi apakah sektor yang bakal menerima manfaat daripada pelaburan yang disediakan dan impak kepada sosioekonomi rakyat negeri Perak?

25. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Apakah tindakan kerajaan untuk menangani kebanjiran pendatang-pendatang tanpa izin (PATI) dan pendatang-pendatang yang memegang pas UNHCR, tetapi mengambil kesempatan untuk bersaing dengan penduduk tempatan terutama dalam bidang perniagaan hingga menjaskan sumber pendapatan mereka?

26. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Memohon Exco Alam Sekitar untuk menyatakan usaha-usaha kerajaan negeri untuk mencapai agenda-agenda kelestarian demi mencapai misi Perak Sejahtera 2030 dan Malaysia carbon net zero 2050?

27. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Kemudahan-kemudahan di Hospital Tapah

Bagi penduduk Tapah yang memerlukan rawatan doktor pakar dan pembedahan kecil akan dihantar ke Hospital Teluk Intan, ini disebabkan oleh ketiadaan doktor pakar dan teater pembedahan serta peralatan terkini bagi merawat pesakit yang kritikal.

- i. Apakah status permohonan untuk membina sebuah teater pembedahan atau surgeri di Hospital Tapah?

28. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Adakah kerajaan negeri membuat kajian mengenai kesan perubahan iklim yang berlaku kebelakangan ini terhadap pengusaha pertanian terutama pesawah padi yang boleh menjaskankan usaha mencapai keterjaminan makanan?

29. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

Apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal aktiviti perniagaan yang begitu pesat diusahakan oleh warga asing yang menjaskankan perniagaan rakyat tempatan?